



## SIARAN MEDIA

### **MPS TANAM 25 RIBU POKOK – SAHUT SERUAN KELESTARIAN BANDAR**

Majlis Perbandaran Selayang (MPS) telah mengadakan Program Tanam 25 Ribu Pokok sempena Sambutan 25 Tahun MPS pada 17 Disember 2022. Program Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR) ini telah mendapat kerjasama dan sokongan daripada pihak Gamuda Land, Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor (PKNS), Jabatan Perhutanan Negeri Selangor, GuocoLand Malaysia, Setia Eco Templer Sdn. Bhd., Sime Darby Property (M) Sdn. Bhd., Elmina Business Park, GLM Emerald West (Rawang), Hong Bee Land Sdn. Bhd., Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM), I Green Landscape Sdn. Bhd., Daikin Malaysia Sdn.Bhd., Pertubuhan Skuad PEKA Rawang dan SMK Sri Gombak.

Daripada jumlah 25,000 pokok ini, 5,000 anak pokok merupakan sumbangan oleh pihak pemaju, agensi kerajaan, swasta dan sekolah selain penglibatan sukarelawan sempena program penanaman pokok ini. Central Park, Gamuda Gardens telah dipilih sebagai lokasi utama bagi perasmian program yang telah disempurnakan oleh YAD Dato' Paduka Raja Tan Sri Dato' (Dr) Haji Wan Mahmood bin Pa' Wan Teh, Dato' Orang Kaya Maha Bijaya, Orang Besar Daerah Gombak. Program ini juga telah diadakan secara serentak melibatkan 24 Zon Jawatankuasa Penduduk (JKP) MPS di seluruh pentadbiran Selayang dan satu kawasan pemaju iaitu Elmina Business Park, Sime Darby.

Objektif utama program ini adalah untuk mengurangkan kesan pemanasan global melalui penyerapan karbon dioksida oleh pokok serta mendidik dan memupuk masyarakat akan kepentingan penjagaan alam sekitar. Program ini juga sejajar dengan seruan Kerajaan Negeri dibawah titah Duli Yang Maha Mulia (DYMM) Sultan Selangor Sultan Sharafuddin Idris Shah Alhaj yang menetapkan tempoh sehingga tahun 2026 untuk menyempurnakan sasaran penanaman 26 juta pokok, simbolik kepada tempoh 26 tahun pemerintahan Baginda yang bermula pada tahun 2001.



Aplikasi Gamuda Parks Canopy turut dilancarkan pada program ini di mana aplikasi tersebut dapat mengesan kesihatan pokok. Maklumat seperti spesis, fakta, lokasi dan juga mengira nilai karbon setiap pokok dapat diakses dengan mengimbas kod QR pada setiap pokok. Inisiatif yang akan disebarluaskan kepada semua tanaman di bawah perbandaran Gamuda Land ini adalah selaras dengan Pelan Hijau Gamuda (GGP), rangka kerja komprehensif yang menyumbang kepada 'Environmental, Social and Governance (ESG)' iaitu indeks yang semakin popular bagi menilai kesesuaian sesuatu pelaburan yang dihasilkan. Pendigitalan pangkalan data pokok ini juga akan meningkatkan kesedaran tentang nilai dan kepentingan biodiversiti dengan penglibatan orang ramai dalam pemuliharaan alam sekitar.

Program yang tamat pada pukul 1.00 tengah hari ini turut meriah dengan aktiviti sukaneka dan sukan rakyat yang diadakan untuk pengunjung dan sukarelawan yang hadir. MPS berharap usaha dan kerjasama strategik ini akan kekal terjalin dan dapat menghasilkan suasana kelestarian, kehijauan, keindahan dan keselesaan akan menjadi sebahagian daripada kehidupan masyarakat.

**#TAMAT#**

**Dikeluarkan Oleh:**

Unit Perhubungan Awam  
Jabatan Korporat

b.p. **Yang Dipertua**  
Majlis Perbandaran Selayang  
**17 Disember 2022**